

SULIT

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN NIK MOHAMAD ABDUH BIN NIK
ABDUL AZIZ [PASIR MAS – PAS]**

TARIKH : 2 NOVEMBER 2015 (ISNIN)

SOALAN (NO. 44)

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan perancangan Kementerian bagi meningkatkan pendedahan belia kepada ekonomi dan politik yang menunjukkan skor rendah dalam Indeks Belia Malaysia 2015.

SULIT

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, antara punca domain ekonomi menunjukkan skor rendah di dalam Indeks Belia Malaysia 2015 adalah kerana jaminan kewangan, bebas hutang, literasi kewangan, kebolehpekerjaan dan pengajian. Dengan itu, pihak Kementerian Belia dan Sukan telah merancang dan melaksanakan pelbagai inisiatif dalam meningkatkan tahap ekonomi belia Malaysia dalam menghadapi cabaran ekonomi semasa dan masa hadapan.
2. Manakala dari segi politik pula, pihak Kementerian telah menyediakan ruang dan peluang dalam meningkatkan minat golongan belia dalam bidang tersebut dan menyampaikan suara belia dalam proses pembentukan polisi Negara terutamanya yang berkait rapat dengan isu-isu belia dan pendedahan terhadap seluruh jentera dan struktur politik.

Sekian, terima kasih.

~~119~~ 119